

Buletin

MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI



(Keluaran Mei - Ogos 2011) Bil 2/2011



Isi Kandungan

Perutusan YDP

Wawasan MPSP

Program Transformasi MPSP

Lawatan Pre-audit Dari Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)

Lawatan Sambil Belajar Dari Majlis Perbandaran Subang Jaya

Lab Kerja Pengenalan Kepada Keselamatan Gender Dan Urus Tadbir Baik Dalam PBT

Lab Kesedaran Dan Keperluan Orang Kurang Upaya (Oku)

Perhimpunan Korporat, MPSP

Majlis Pelancaran Buku Anugerah Pelajar Hijau

Cleaner Greener @ Bukit Minyak

Majlis Pecah Tanah Taman Tugu Demokrasi Bagan

Forum Perdana Elhalal Islam

Sambutan Perayaan Hari Majlis Yang Ke 37/2011

Seminar Amalan Pengurusan Kewangan Berhemah Sebagai Budaya Hidup

Bubur Lambuk Sempena Ramadhan 1432h

Program Seikhlas Budi Semurni Kasih Puspawati

Ceramah Agama Anjuran Permai

Majlis Pemberian Elaun Khas Kepada Anggota Penguatkuasaan Dan Pasukan 3d

Kursus Refreshment Multi Skill

Muka Surat

2
3
3
4
5
5
5
6
6
7
8
8
9
12
12
13
13
14
14



MAJLIS PEMBERIAN ELAUN KHAS KEPADA ANGGOTA PENGUATKUASAAN DAN PASUKAN 3D

Majlis Pemberian Elaun Khas kepada anggota penguatkuasaan dan anggota pasukan 3D telah diadakan pada 5 Ogos 2011 pada jam 9.00 pagi bertempat di Auditorium MPSP. Majlis pemberian elaun tersebut telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang.

Majlis Pemberian Elaun Khas Kepada Anggota Penguatkuasaan dan Pasukan 3D diadakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi memastikan jasa-bakti kakitangan yang bekerja dalam risiko ini dihargai. Malah diharapkan usaha yang berterusan akan dapat membantu meningkatkan imej Majlis.

Melalui pemberian elaun khas ini, MPSP akan menyumbangkan bantuan kewangan sebanyak RM150.00 sebulan kepada seramai 186 orang Anggota Penguatkuasa yang terlibat dan juga seramai 52 orang anggota Pasukan 3D. Elaun Khas ini akan mula dibayar setiap bulan mulai bulan Ogos ini.

Unit Skwad Khas MPSP telah berjaya mencatatkan beberapa kejayaan dan diberi pengiktirafan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang baru-baru ini. Kejayaan yang dimaksudkan ialah ;

- membersihkan longkang tersumbat yang dipenuhi sampah-sarap dan najis di Kampung Aston, Bukit Mertajam
- memotong pokok tumbang yang terdapat sarang tebuhan
- dan Berjaya mengumpulkan 10 kg paku ketika membersihkan kawasan Jalan Perusahaan Maju 4 dan Tingkat Perusahaan 6, Perai.

"Unit Skwad Khas MPSP telah berjaya mencatatkan beberapa kejayaan"



KURSUS REFRESHMENT MULTI SKILL
Bertempat di MPC Kepala Batas, satu Kursus Refreshment Multi Skill telah diadakan pada 14 - 15 Mei 2011 yang melibatkan petugas-petugas Kaunter Berpusat MPSP dan semua kakitangan yang sentiasa berurusan dengan orang ramai. Tujuan kursus ini diadakan adalah bagi memberi tunjuk ajar kepada petugas-petugas kaunter tentang sistem-sistem yang digunakan pakai di setiap jabatan dalam MPSP.

Sidang Redaksi

Penaung:

Puan Maimunah Mohd. Sharif
(Yang Dipertua)

Penasihat:

Sr Tuan Haji Rozali Bin Haji Mohamud
(Setiausaha Perbandaran)

Ketua Editor:

Encik Wan Junaidy Bin Yahaya

Editor:

Puan Nor Azimah Binti Ismail

Jurugambar:

Encik Sheikh Zakaria Bin Shaik Ahmad

Percetakan:

Ahmad Airin Bin Adnan

Program Seikhlas Budi Semurni Kasih PUSPANITA



Program Seikhlas Budi Semurni Kasih PUSPANITA telah diadakan pada 18 Ogos 2011 bersamaan dengan 18 Ramadhan 1432H di Auditorium, Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda. Program ini berlangsung pada jam 8.00 pagi sehingga jam 12.00 tengahari dan sumbangan telah disampaikan oleh Y.B Dato' Haji Farizan b. Darus yang merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, merangkap Penasihat PUSPANITA Negeri Pulau Pinang. Tujuan program ini diadakan, adalah untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan yang dikenalpasti oleh ahli AJK Puspanita sendiri. Bantuan yang disampaikan merupakan hamper makanan dan wang tunai.



CERAMAH AGAMA ANJURAN PERMAI

Satu ceramah Agama anjuran Permai telah berlansung pada 10/08/2011 bertempat di Auditorium MPSP, Bandar Perda pada jam 10.45 pagi. Ceramah agama tersebut telah disampaikan oleh Ustaz Abdullah b. Mahmud dari Kuala Lumpur yang sering ke udara melalui rancangan "Indahnya Duniaku" di RTM (Radio Mutiara FM) dengan tajuk ceramah "Pemakanan Sebagai Penawar". Melalui ceramah ini, kita dapat mengetahui bahawa pelbagai jenis makanan yang boleh dijadikan ubat bagi merawat penyakit. Pelbagai petua merawat penyakit diberikan kepada hadirin yang hadir. Ceramah yang menarik ini mendapat sambutan menggalakkan daripada kakitangan MPSP.

"Pelbagai petua merawat penyakit diberikan kepada hadirin yang hadir."



Ustaz
Abdullah

Puan Maimunah Mohd Shariff

"Tanamkan iltizam dalam diri bahawa apa yang telah dilaksanakan adalah sebagai langkah menuju ke arah kesejahteraan penduduk pada masa hadapan, bukannya untuk kepentingan peribadi."

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan di atas sumbangan yang telah diberikan oleh warga kerja Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam tempoh empat bulan (Mei – Ogos) ini. Berjumpa lagi kita bagi keluaran Buletin MPSP Bil 2/ 2011 (Mei – Ogos) dan syabas serta tahniah kerana berusaha gigih memastikan MPSP terus unggul hingga kini.

Selaras dengan hasrat pucuk pimpinan, Kerajaan Negeri dan MPSP kini sedang giat melaksanakan Cleaner Greener Penang dan Cleaner Greener Seberang Perai yang mana sasaran untuk menjadikan Pulau Pinang Negeri Bersih dan Hijau. Justeru itu, MPSP akan berusaha merealisasikan target Kerajaan Negeri agamanya ianya tercapai yang mana dengan melibatkan orang awam bersama ke arah penghijauan, meningkatkan kesedaran dan pendidikan dan sebagainya. MPSP akan membantu untuk meningkatkan kesedaran dengan menyediakan persekitaran hidup yang lebih baik bagi masyarakat.

Akhir kata, sebelum kita melaksanakan pelbagai perancangan demi kemajuan di kawasan pentadbiran MPSP, tanamkan iltizam dalam diri bahawa apa yang telah dilaksanakan adalah sebagai langkah menuju ke arah kesejahteraan penduduk pada masa hadapan, bukannya untuk kepentingan peribadi.

Sebelum menutup tirai ini, di sini ingin saya mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak dan Selamat Menyambut Hari Raya.

MAIMUNAH MOHD SHARIFF
Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Seberang Perai





Wawasan MPSP



Program Transformasi MPSP

PROGRAM BUBUR LAMBUK SEMPENA RAMADHAN 1432H

Pada tanggal 16/08/2011, buat julung kalinya PERMAI MPSP telah menganjurkan Program Bubur Lambuk Sempena Ramadhan 1432H, Program ini berlansung di belakang Bangunan Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda.

Bubur lambuk tersebut diagihkan kepada semua warga MPSP pada pukul 3 petang. Tujuan program ini diadakan bertujuan untuk memepuk semangat kerjasama serta mengeratkan silaturrahim kakitangan di dalam MPSP ini.

BUBUR LAMBUK



Amalan PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAH Sebagai Budaya Hidup

Pada 26/07/2011, seminar ini, telah dirasmikan oleh Tuan Setiausaha MPSP, Sr Hj. Rozali bin Hj. Mohamud. En. Faraki Harim b. Abdul Razak dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit merupakan penceramah pertama yang memberi ceramah bertajuk "Amalan Pengurusan Kewangan Berhemah Sebagai Budaya Hidup" dan kemudian diikuti oleh penceramah kedua iaitu En. Azih b. Muda, Timbalan Presiden CUEPACS, merangkap Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia dengan tajuk ceramah "Peningkatan Disiplin dan Transformasi Warga Kerja MPSP" dan penceramah yang terakhir iaitu En. Ishak b. Md Ariff yang merupakan Pengurus Cawangan CIMB Bank Berhad Seberang Jaya, memberi taklimat tentang simpanan atau pinjaman kepada kakitangan MPSP.



"Peningkatan Disiplin dan Transformasi Warga Kerja MPSP"



**SEMINAR SEMPERA PERAYAAN
HARI MAJLIS KE -37 / 2011**

**26 JULAI 2011
8.00 PAGI
AUDITORIUM, MPSP**

**PERASMIAN OLEH
Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
SETIAUSAHA PERBANDARAN
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

LAWATAN PRE-AUDIT DARI LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA(MIDA)



Pada Tanggal 5 Mei 2011, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima kunjungan Hormat dan Lawatan Pre-Audit dari Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia(MIDA)

LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA



Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPSP pada 6 Jun 2011 bertujuan bagi mempelajari Sistem Penilaian Cukai Taksiran, yang digunakan oleh MPSP. Selain dapat mempelajari sistem yang digunakan oleh MPSP, kerjasama dan silaturrahim antara MPSJ dan MPSP dapat dieratkan.

LAB KERJA PENGENALAN KEPADA KESAKSAMAAN GENDER DAN URUS TADBIR BAIK DALAM PBT

Bertempat di Auditorium MPSP pada 16 Jun 2011, Lab kerja Pengenalan Kepada Kesaksamaan Gender dan Urus Tadbir Baik Dalam PBT telah diadakan dan penceramah yang terlibat merupakan tenaga pengajar dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Lab ini melibatkan Ahli-Ahli Majlis MPSP, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MPSP. Lab ini dianjurkan bertujuan untuk pendedahan dan juga melihat keperluan pelaksanaan kesaksamaan gender dan urus tadbir baik di dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Seberang Perai.



LAB KESEDARAN DAN KEPERLUAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Tanggal 25/06/2011 dan 26/06/2011 telah berlansung Lab Kesedaran Dan Keperluan Orang Kurang Upaya (OKU) bertempat di Auditorium MPSP. Antara peserta Lab yang terlibat adalah terdiri daripada juruperunding, pelukis plan, jurutera serta pemaju.



• Sistem

Gotong-Royong Online

Dengan adanya Sistem Gotong-Royong Online ini diharapkan akan lebih banyak permohonan yang MPSP terima selepas ini. Ini merupakan galakan kepada orang ramai untuk mengadakan lebih banyak gotong-royong dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran kebersihan persekitaran. Orang ramai boleh mencapai Sistem Gotong Royong Online ini melalui laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my.

Maklumbalas permohonan Gotong Royong Online akan dibuat melalui email atau semakan status kelulusan permohonan boleh dibuat dilaman web tersebut.

“usaha untuk meningkatkan kesedaran kebersihan persekitaran.”

• Pertandingan

Zon Terbaik QE/5S

Bagi merealisasikan hasrat ini, tahun 2011 dijadikan sebagai Tahun Mengukuhkan Kualiti dan Inovasi berteraskan kepada iltizam untuk Membangunkan Keupayaan. Budaya kualiti diterapkan di kalangan semua kakitangan MPSP melalui beberapa program kualiti yang telah dilaksanakan sebelum ini, termasuklah pelaksanaan QE, iaitu Amalan Persekitaran Berkualiti. Keadaan persekitaran kerja yang selesa dan teratur akan memudahkan pengesanan maklumat dan fail yang akan mempercepatkan proses kerja setiap kakitangan. Justeru, untuk meningkatkan motivasi serta semangat kerja berkumpul di kalangan kakitangan, MPSP mengadakan pertandingan Zon Terbaik amalan QE bagi menobatkan jabatan yang didapati mempunyai amalan QE yang cemerlang. Zon terbaik akan menerima piala pusingan yang akan ditempatkan di jabatan berkenaan.



• Anugerah Kaizen

Kaizen berasal dari ISTILAH JEPUN yang membawa maksud penambahbaikan secara berterusan. Pelaksanaannya adalah bagi merealisasikan pengukuhan budaya kualiti dan inovasi di sesebuah organisasi, di mana setiap individu dalam organisasi boleh mengemukakan idea kreatif mereka dalam usaha untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti selaras dengan inisiatif penjimatan kos, masa dan tenaga.

Pada tahun lepas dan tahun ini, MPSP telah melaksanakan beberapa penambahbaikan hasil cadangan dan inovasi kakitangan dalaman yang akhirnya diguna pakai untuk pelaksanaan di peringkat jabatan mahupun MPSP. Sebagai penghargaan, MPSP sukacita mengadakan Anugerah Kaizen ini untuk memberi motivasi dan insentif kepada mereka yang telah menyumbangkan buah fikiran demi kebaikan bersama.

Sebanyak 31 borang telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak 11

cadangan telah dilaksanakan secara sepenuhnya dan secara beperingkat serta telah memberi manfaat kepada MPSP khususnya. Untuk itu, MPSP sukacita menganugerahkan mereka ini dengan Anugerah Kaizen seperti berikut:

i) PUAN ROSNADA BT ABU HASSAN

Jabatan Undang-Undang Template Permohonan Pembatalan Kompaun.

ii) PUAN ROSNADA BT ABU HASSAN DAN EN MUHAMMAD NASIR BIN ABD SALAM

Jabatan Undang-Undang Bayaran Kompaun On-Line.

iii) ENCIK KAMARUDDIN BIN CHE LAH

Pengarah Kejuruteraan Sistem Pengesanan Fail Yang Efisien

iv) PUAN ZURINA BT HUSSIN

Jabatan Kejuruteraan Penggunaan Kepala Paip Plastik

v) ENCIK AASADHULLAH BIN OTHMAN

Jabatan Kejuruteraan Sistem Pernomboran Semua Lampu Jalan

vi) ENCIK AASADHULLAH BIN OTHMAN

Jabatan Kejuruteraan Penutup Tiang Lampu Jalan Fibreglass

vii) ENCIK ABDUL LATIF BIN OTHMAN

Jabatan Kejuruteraan Mudguard Buatan Sendiri Untuk Lori MPSP

viii) ENCIK ABD LATIF BIN YAMAN

Jabatan Penilaian Sistem Penyusunan Kertas Dalam Tray Mesin Fotostat

ix) PUAN ZAIZURIAWATY BT ABDULLAH

Jabatan Kejuruteraan Maklumat Pengiklan (Paparan Logo, slogan, no. Rujukan dan tarikh tamat tempoh) Atas Papan Iklan Oleh Pengiklan

SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS YANG KE-37/2011

Bersempena dengan Sambutan Perayaan Hari Majlis Yg Ke-37 2011 yang diadakan pada 23 Julai 2011, MPSP telah menjalankan program-program yang melibatkan semua warga Seberang Perai bertempat di Ibu Pejabat MPSP dan telah dirasmikan oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng. Program-program yang dianjurkan adalah bertujuan untuk memupuk semangat bersatu padu dikalangan warga Seberang Perai dan kakitangan MPSP. Antara program-program yang telah dijalankan termasuklah:

Pameran Perkhidmatan MPSP
Pameran adalah berkenaan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh MPSP. Selain itu juga, LA21 juga turut menyertai pameran ini.

Pelancaran "balance score card"

Balance ScoreCard merupakan panduan serta rujukan kepada warga MPSP bagi memastikan strategi yang telah dirancang dilaksanakan melalui pelan tindakan yang telah ditetapkan, di mana ianya dibahagikan kepada aktiviti-aktiviti jabatan MPSP yang saling berkait. Pengukuran berdasarkan KPI (Indeks Petunjuk Prestasi) yang telah dimuktamadkan dan diukur untuk memastikan keberkesanan aktiviti agar ianya dilaksanakan searah dan selari dengan halatuju MPSP.

Pelancaran Taman Bersih
diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pembersihan melalui penglibatan komuniti atau 'Community Engagement'. Pengiktirafan Taman Perumahan

Bersih akan diberikan kepada taman perumahan yang mendapat markah 80 ke atas. Manakala tempoh sah sesuatu pengiktirafan adalah selama 6 bulan (2 kali setahun). Sehubungan dengan itu, MPSP akan menganjurkan pertemuan dengan semua JKKK/RA /RT dan kontraktor pembersihan bagi memberikan maklumat lebih lanjut mengenai program ini. Selain itu, 3 jawatankuasa penilaian dibentuk mengikut daerah dan dipengerusikan oleh Tuan Setiausaha bagi tujuan penilaian. Bagi melayakkan sesuatu taman mendapat pengiktirafan beberapa aspek akan dinilai dan sijil penghargaan akan diberikan kepada:

- i) Taman yang memenuhi kriteria
- ii) Kontraktor bagi taman yang bersih
- iii) Pembantu Kesihatan Awam (PKA) kawasan

Pelancaran CCTV

KPKT telah memberi CCTV sebanyak 24 unit dimana ianya telah ditempatkan 8 unit di SPU, 12 unit di SPT dan 4 unit di SPS di kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan hotspot jenayah. Bilik kawalannya ditempatkan di IPD setiap daerah dan juga di MPSP (bilik kawalan semua). Selain daripada focus jenayah MPSP juga boleh memantau dari segi vandalism, halangan dan lalulintas.

PERHIMPUNAN KORPORAT

Perhimpunan Korporat warga MPSP telah diadakan pada 5 Julai 2011, bertempat di hadapan pintu masuk lobi bangunan MPSP. Pada perhimpunan itu juga, turut diadakan bagi memperbaharui Ikrar Kakitangan dan Ikrar Kualiti bagi menjamin keberkesanan tugas warga MPSP. "Bulan Meningkatkan Kualiti" di pilih menjadi tema untuk Hari Majlis tahun ini.



"Bulan Meningkatkan Kualiti"

MAJLIS PELANCARAN BUKU ANUGERAH PELAJAR HIJAU

Tanggal 10/07/2011, telah berlansung Majlis Pelancaran Buku Anugerah Pelajar Hijau Cemerlang. Majlis ini dirasmikan oleh Y.B. Chow Kon Yeow, Pengerusi Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas bertempat di Sek. Men. Dato Onn Butterworth. Majlis Pelancaran Buku Anugerah Pelajar Hijau diadakan bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai 3R di dalam kehidupan pelajar samada di rumah ataupun di sekolah. 3R bermaksud "Reduce, Reuse and Recycle". Melalui program ini, para pelajar diberi selama 3 bulan untuk menunjukkan kaedah 3R di dalam kehidupan dan kemudian dinilai oleh guru dan diberi sijil penghargaan sekiranya matlamat program tersebut tercapai.



CLEANER GREENER PENANG @ BUKIT MINYAK

Program Cleaner Greener Penang @ Bukit Minyak anjuran oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Federation of Malaysia Manufacturer (FMM) serta MPSP telah dirasmikan oleh YB Chow Kon Yeow Pengerusi Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas pada 10 Julai 2011 bertempat di JMTI Bukit Minyak. Inisiatif "Cleaner Greener Penang" adalah meru-

pakan hala tuju untuk Pulau Pinang memulihkan persekitaran hidup dan menjadikan sebuah bandar yang bersih dan hijau, dan meningkatkan kualiti hidup. Inisiatif ini diusahakan untuk mewujudkan satu penyelarasan yang melibatkan tiga pihak kerajaan, sektor korporat dan masyarakat dalam memberi kuasa kepada masyarakat untuk bekerja ke arah yang lebih hijau

dan bersih di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang percaya bahawa inisiatif "Cleaner Greener Bukit Minyak" hanya akan boleh berjaya melalui kerjasama orang ramai. Ianya adalah projek Kerajaan, tetapi komitmen dan penyelesaiannya mesti datang dari penglibatan masyarakat. Melalui Inisiatif "Cleaner Greener Bukit Minyak" ini, kita akan dapat bersama-sama ;

- Menjadikan persekitara hidup yang lebih baik.
- Menempatkan Pulau Pinang sebagai bandar raya mampan.
- Kembali menceriakan kawasan bandar dan jalan atau laluan.
- Membawa perubahan kepada cara gaya hidup kita dan menjadi pilihan My Penang My Pride.



Majlis Cleaner Greener Penang @ Bukit Minyak
Disempurnakan oleh
Y.A.B. TUAN LIM GUAN ENG
KETUA MENTERI PULAU PINANG
Tarikh: 10 Julai 2011 Masa : 11:45 Pagi Tempat : Dewan JMTI Bukit Minyak



MAJLIS PECAH TANAH TUGU KOTA DEMOKRASI BAGAN telah diadakan pada 10 Julai 2011 bertempat di **TAMAN TUGU DEMOKRASI BAGAN** Jalan Permatang Pauh di antara Taman Cantik dan Kawasan Perindustrian Ringan Mak Mandin dan dirasmikan oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng. Majlis ini merupakan salah satu daripada projek CSR iaitu projek pengindahan bandar. Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Seberang Perai mengalu-alukan mana-mana agensi yang berminat menjadikan kawasan-kawasan tanah lapang sebagai anak angkat kepada projek CSR. Setakat ini pihak MPSP telah mengenalpasti 25 lokasi strategik yang boleh diambil oleh individu-individu, syarikat-syarikat, pemaju, pihak bank, organisasi kerajaan dan swasta untuk projek CSR lanskap.



FORUM PERDANA EHWAL ISLAM

Kebersihan Sebahagian Daripada Iman

merupakan tajuk bagi Forum Perdana Ehwat Islam bersempena Hari Majlis Yang Ke-37/2011 telah diadakan pada 10 Julai 2011 dan ahli panel terdiri daripada Ustaz Roslan Che Ros, Ustaz Halim Baharin dan Ustazah Dr Farah Shazwani Mohd Tarmizi. Tujuan forum ini diadakan adalah merupakan pengisian program Hari Majlis Yang Ke-37/2011 serta untuk memberi kesedaran kepada seluruh warga Seberang Perai bahawa kebersihan merupakan perkara terpenting dalam kehidupan dan juga melambangkankeperibadian setiap ummah.

